

PERPUSTAKAAN
FAKULTI ALAM BINA



10466601

IMPLIKASI PERUBAHAN KERJA TERHADAP KONTRAKTOR

NOOR SHUHADAK BINTI SHAKIL AHMAD

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada
syarat penganugerahan Ijazah
Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

MEI, 2009

ABSTRAK

Perubahan kerja merupakan sesuatu perkara yang tidak dapat dielakkan daripada berlaku dalam sesuatu projek pembinaan. Hal ini kerana, amalan pengurusan projek yang diuruskan oleh manusia yang tidak lari daripada melakukan kesilapan. Oleh yang demikian, pihak yang banyak menerima kesan akibat daripada perubahan kerja adalah pihak kontraktor. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya perubahan kerja dalam pembinaan dan kesannya terhadap kontraktor. Borang soal selidik telah digunakan dan data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan kaedah min dan analisis secara indeks berskala. Responden yang terlibat dalam pengumpulan data ini terdiri daripada kontraktor, juruukur bahan, jurutera, pemaju dan arkitek. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor yang menyebabkan perubahan kerja adalah berkaitan dengan jajaran kemudahan yang sedia ada di tapak bina yang mengganggu perjalanan projek dan keadaan dalam tanah yang tidak diketahui. Faktor tersebut telah memberi kesan kepada jadual perancangan kerja kontraktor. Jadual perancangan kerja ini meliputi penjadualan semula buruh, loji dan kelengkapan, bahan-bahan, aktiviti kerja sub-kontraktor, aktiviti kerja sub-kontraktor dinamakan. Masa perlu ditambah untuk menyiapkan kerja dan lebih banyak penilaian kerja perlu dibuat. Ini menunjukkan bahawa pihak kontraktor perlu mengubah jadual perancangan kerja yang telah dirancang dan secara tidak langsung, ianya akan menyebabkan sesuatu projek pembinaan itu tidak dapat disiapkan pada masa yang telah ditetapkan.

ABSTRACT

Variation order is an inevitable accuracy in a construction project. This is because, project management practice are managed by human being which is not being excused from doing mistakes. Due to this, contractor is the party who tends to face the impact of variation order. The purpose of this study is to identify the factors of variation order in construction and the effects to the contractors. Set of questionnaires had been used and the data collected is analyzed using mean and analysis by scale index analysis method. Respondent who involved in this data collection comprise of contractor, quantity surveyor, engineer, developer and architect. The research result shows that factors which contribute to variation order are the existing facilities on site which interrupts the project flow and unknown condition of soil. The factors have effect the contractor work programme. This work programme covers rearrangement of labours, plant and machinery, materials, sub-contractor and nominated sub-contractor activities. Extension of time has to be given to finish up the works and extra valuations need to be done. It shows that contractor should change work programme that has been planned and indirectly, it will cause delay in construction project.